

DARI SEKOLAH KE KOLEJ: PENUBUHAN, PERKEMBANGAN DAN SUMBANGAN KOLEJ PERTANIAN TANAH MELAYU, 1931-1957

Abu Hanifah Haris
Roslina Ab Ghani*

Abstrak

Sekolah Pertanian Tanah Melayu di Serdang, Selangor ialah sekolah pertanian yang pertama dibina di Tanah Melayu bagi melahirkan pelajar yang terlatih dalam pelbagai pertanian. Objektif kajian ini ialah mengkaji perkembangan dan sumbangan sekolah tersebut khususnya dalam memajukan bidang pertanian. Skop kajian ini ialah sejak penubuhan sekolah tersebut pada tahun 1931 sehingga kemerdekaan Tanah Melayu pada tahun 1957. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif, iaitu kaedah kajian perpustakaan dengan meneliti pelbagai sumber primer seperti fail dan dokumen khususnya rekod British seperti *Annual Report on Education in the Strait Settlements* dan *Annual Report of the Education*, serta pelbagai akhbar seperti *The Straits Times*, *Malaya Tribune*, dan *The Singapore Free Press and Mercantile Advertiser*. Kajian ini mendapati bahawa Sekolah Pertanian Tanah Melayu telah memainkan peranan yang penting terhadap perkembangan kegiatan pertanian di Tanah Melayu khususnya dalam membekalkan tenaga kerja tempatan yang terlatih dalam bidang pertanian seterusnya dapat bertugas dalam beberapa jabatan kerajaan seperti Jabatan Pertanian dan Institut Penyelidikan Getah, selain melahirkan pekerja terlatih untuk berkhidmat di pelbagai estet getah di seluruh negara.

Kata Kunci: Kolej Pertanian Tanah Melayu, *Malaya School of Agriculture*, *Rubber Research Institute* (RRI).

Pengenalan

School of Agriculture, Malaya atau Sekolah Pertanian Tanah Melayu merupakan sekolah pertanian pertama yang ditubuhkan oleh kerajaan British di Tanah Melayu. Sekolah tersebut kemudian dikenali sebagai Kolej Pertanian Tanah Melayu selepas Perang Dunia Kedua, iaitu sejak tahun 1947. Idea awal bagi penubuhan sebuah sekolah pertanian di Tanah Melayu sudah bermula sejak awal abad ke-20. Kerajaan British ketika itu melihat kepentingan sekolah tersebut bagi melatih tenaga pakar tempatan yang terlatih dalam bidang pertanian tanpa perlu

* Dr. Abu Hanifah Haris ialah Pensyarah Kanan di Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya, Kuala Lumpur. Roslina Ab Ghani ialah guru Sejarah di SMK Bandar Baru Sungai Long, Kajang, Selangor.

bergantung kepada tenaga kerja dari Eropah, sekali gus dapat menjimatkan kos. Pada masa yang sama, penubuhan sekolah tersebut juga dapat membekalkan tenaga kerja tempatan yang terlatih seterusnya dapat membantu *Department of Agriculture* atau Jabatan Pertanian dalam usaha mengembangkan bidang pertanian di Tanah Melayu. Pada masa yang sama, lulusan sekolah tersebut juga dapat berkhidmat di dan di *Rubber Research Insitute* (RRI) atau Institut Penyelidikan Getah, sekali gus dapat memajukan sektor penanaman getah di Tanah Melayu. Hal ini kerana bidang pertanian ketika itu mempunyai potensi bagi menjana pendapatan kepada kerajaan sekali gus dapat memajukan lagi ekonomi Tanah Melayu.

Objektif artikel ini ialah mengkaji penubuhan, perkembangan dan sumbangan Kolej Pertanian Tanah Melayu, Serdang, Selangor sejak penubuhannya pada tahun 1931 sehingga kemerdekaan Tanah Melayu pada tahun 1957. Perbincangan dimulakan dengan penubuhan, perkembangan dan sumbangan Sekolah Pertanian Tanah Melayu dari tahun 1931 sehingga tahun 1947. Perbincangan diakhiri dengan perbincangan mengenai penubuhan, perkembangan dan sumbangan sekolah tersebut setelah ditukar nama kepada Kolej Pertanian Tanah Melayu dari tahun 1947 sehingga kemerdekaan Tanah Melayu pada tahun 1957.

Sekolah Pertanian Tanah Melayu, 1931-1947

Idea penubuhan sebuah sekolah pertanian di Tanah Melayu telah bermula sejak tahun 1910-an lagi. Cadangan penubuhan sekolah tersebut telah dibincangkan secara lebih serius bermula pada tahun 1914 awal kerajaan bercadang untuk menubuhkan sebuah kolej berkaitan pertanian tropika, namun akhirnya kolej sedemikian telah dibina di Trinidad.¹ Pada tahun 1923, sebuah pusat latihan pertanian telah ditubuhkan sebagai platform awal ke arah penubuhan sekolah tersebut.² Pada tahun 1925, Jawatankuasa Pendidikan Industri dan Teknik Singapura telah mengusulkan penubuhan sekolah pertanian di Tanah Melayu dan meminta Jabatan Pertanian dan Jabatan Pendidikan menggubal skim baru bagi sistem pendidikan pertanian.³ Pada tahun 1926, kedua-dua jabatan telah mengemukakan skim tersebut yang akan dikendalikan bersama-sama oleh Negeri-Negeri Selat (NNS) dan Negeri-Negeri Melayu Bersekutu (NNMB), dan laporan tersebut telah dikemukakan kepada Majlis Mesyuarat Persekutuan (MMP) pada tahun 1927, iaitu *Federal Council Paper No. 12 of 1927*.⁴

Pada tahun 1927, satu jawatankuasa khas telah dibentuk untuk menyediakan suatu skim bagi penubuhan sebuah sekolah pertanian di NNS dan NNMB. Pada tahun 1928, cadangan penubuhan *School of Agriculture, Malaya* atau Sekolah Pertanian Tanah Melayu di atas tanah seluas 22 ekar di Serdang Selangor, telah dikemukakan kepada kerajaan pusat, dan kos pembinaan sekolah tersebut akan ditanggung secara bersama oleh NNS dan NNMB.⁵

1 Lihat "A Milestone in Education", *The Straits Times*, 18 Mac 1930, hlm. 13.

2 Lihat "What Government Has Done to Encourage Malayan Agriculture", *The Singapore Free Press and Mercantile Advertiser*, 1 Ogos 1938, hlm. 4.

3 Annual Report on Education in the Strait Settlements for the Year 1927, dalam "Education", *Malayan Saturday Post*, 2 Jun 1928, hlm. 9.

4 Lihat "Malayan Education", *The Singapore Free Press and Mercantile Advertiser*, 5 Julai 1928, hlm. 14.

5 Lihat "Education", *Malaya Tribune*, 24 Mei 1928, hlm. 8.

Gambar 1: Dr. H.A. Tempany, Pengarah Jabatan Pertanian, 1929-1936



Sumber: *The Straits Times*, 22 September 1940, hlm. 8.

Pelantikan Dr. H.A. Tempany yang merupakan pakar pertanian profesional pertama yang dilantik sebagai Pengarah Jabatan Pertanian sejak tahun 1929 menyaksikan usaha ke arah penubuhan sebuah sekolah pertanian di Tanah Melayu semakin cerah. Penubuhan sekolah tersebut amat penting bukan sahaja bagi melatih pakar yang terlatih dalam bidang pertanian, tetapi juga dapat menjadi platform kepada Jabatan Pertanian untuk mengembangkan bidang pertanian di Tanah Melayu.⁶

Lanjutan daripada itu, satu majlis perletakan batu asas penubuhan sekolah pertanian tersebut telah dirancang untuk disempurnakan oleh Sultan Selangor pada 19 Mac 1930.⁷ Namun begitu, majlis perletakan batu asas kemudian telah dirasmikan oleh Sultan Selangor, Sultan Alaidin Ibni Alharhum Sultan Sulaiman pada 20 Mac 1930. Antara tetamu kehormat lain yang turut hadir dalam majlis perletakan batu asas tersebut ialah Pemangku Ketua Setiausaha, Residen British, Setiausaha Rendah dan Raja Muda Selangor.⁸ Anggaran kos pembinaan bangunan sekolah tersebut ialah \$250,000. Bangunan tersebut dijangka siap dibina pada akhir tahun 1931 dan sesi persekolahan dijangka bermula pada bulan Mei 1931.⁹ Pada bulan November 1930, Pengarah Jabatan Pertanian NNS dan NNMB menyatakan bahawa pembinaan bangunan sekolah pertanian tersebut dijangka siap dibina pada bulan Mei 1931, manakala pengambilan pelajar baru dijangka bermula pada bulan Februari 1931.¹⁰

6 Lihat "Thoughts on Serdang", *The Straits Times*, 28 Mei 1931, hlm. 10. Antara sumbangan besar Sir Dr. Harold A. Tempany ialah memajukan sektor penanaman getah dan padi, selain beberapa tanaman lain seperti nanas, kelapa sawit, teh dan sayuran di Tanah Melayu. Beliau turut melancarkan kempen "grow more food" bagi penanaman padi. Pada tahun 1936, beliau menjadi pembantu Ketua Penasihat Pertanian bagi Pejabat Tanah Jajahan, Sir Frank Stockdale sebelum memegang jawatan tersebut pada tahun 1940. Beliau bersara pada bulan Oktober 1946 iaitu selepas Perang Dunia Kedua tamat. Lihat "Mainly About Malaysians" *The Straits Times*, 22 September 1940, hlm. 8; "Spotlight on Malaya and Malaysians", *The Straits Times*, 13 Oktober 1946, hlm. 2.

7 *The Straits Times*, 10 Mac 1930, hlm. 12.

8 Lihat "Malaya's First Farm School", *The Straits Times*, 20 Mac 1930, hlm. 17.

9 Sultan Selangor, Sultan Alaidin Ibni Alharhum Sultan Sulaiman kemudian berangkat menuju ke Kajang, Selangor untuk merasmikan Sekolah Tinggi Kajang. Lihat "Malaya's School of Agriculture", *Malaya Tribune*, 20 Mac 1930, hlm. 10; *The Singapore Free Press and Mercantile Advertiser*, 21 Mac 1930, hlm. 208.

10 *The Singapore Free Press and Mercantile Advertiser*, 27 November 1930, hlm. 6.

Gambar 2: Majlis Perletakan Batu Asas Sekolah Pertanian Tanah Melayu di Serdang, Selangor oleh Sultan Selangor, Sultan Alaidin Pada Tahun 1930



Sumber: *Malayan Saturday Post*, 19 April 1930, hlm. 14.

Namun begitu, perasmian bangunan sekolah tersebut hanya dapat direalisasikan pada tahun 1931 apabila sekolah tersebut berjaya dibina di Serdang, Selangor di bawah pengawasan Jabatan Pertanian Tanah Melayu. Bangunan Sekolah Pertanian Tanah Melayu di Serdang akhirnya telah siap dibina pada awal tahun 1931 dan telah dirasmikan oleh Pesuruhjaya Tinggi British di Tanah Melayu, John Scott pada 21 Mei 1931 tepat jam 5.00 petang.¹¹ Antara tetamu kehormat lain yang turut hadir dalam majlis perasmian tersebut ialah Sultan Selangor, Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan, Raja Muda Perak, Raja Muda Selangor, dan Ketua Setiausaha, C.W.H. Cochrane.¹²

Dalam ucapannya, John Scott menjelaskan bahawa, “...the quantity of Malaya’s imported foodstuffs constituted a very grave reproach and danger to the country...the School would help to make Malaya more independent of imported materials”.¹³ Mengulas isu tersebut, Pengarah Jabatan Pertanian, Dr. H.A. Tempany pula menjelaskan bahawa import Tanah Melayu terhadap pelbagai produk khususnya makanan pada tahun 1930 ialah \$139 juta, sedangkan Tanah Melayu sendiri berkemampuan untuk menghasilkan sendiri produk-produk tersebut.¹⁴ Berkenaan tujuan penubuhan sekolah tersebut, Dr. H.A. Tempany menjelaskan:

*...primarily for the training of Asiatics for the Government agricultural services; the more important direct purpose of the School is that of creating a class of trained men who can be employed as assistants on estates or on the working of their own properties.*¹⁵

11 Lihat “The New Malayan School of Agriculture”, *The Straits Times*, 22 Mei 1931, hlm. 18; *The Singapore Free Press and Mercantile Advertiser*, 14 Mei 1931, hlm. 11.

12 Lihat “Malayan School of Agriculture”, *Malaya Tribune*, 22 Mei 1931, hlm. 9.

13 Lihat “Malaya’s Food Imports”, *The Singapore Free Press and Mercantile Advertiser*, 22 Mei 1931, hlm. 11.

14 Lihat “Malaya’s Great Home Market”, *The Straits Times*, 22 Mei 1931, hlm. 11.

15 Lihat “Malayan School of Agriculture”, *Malaya Tribune*, 26 Ogos 1931, hlm. 13.

Sekolah Pertanian Tanah Melayu terletak di Serdang iaitu 12 batu dari Kuala Lumpur. Terdapat sebuah bangunan besar berbentuk “H”, sebuah bangunan dua tingkat, dua makmal khusus untuk subjek kimia dan biologi, sebuah perpustakaan, empat bilik darjah, 4 dorm asrama, dewan makan, bilik guru, dan muzium. Terdapat juga 50 ekar tanah pertanian untuk diusahakan oleh pelajar sekolah tersebut. Selain itu, terdapat juga kuarters khas untuk tiga staf Eropah, tiga pembantu Melayu, kerani-kerani dan jawatan lain.¹⁶ Kos keseluruhan bagi pembinaan keseluruhan bangunan sekolah tersebut adalah berjumlah \$130,000.¹⁷

Gambar 3: Bangunan Baru Sekolah Pertanian Tanah Melayu, Serdang, Selangor



Sumber: *The Straits Times*, 22 Mei 1931, hlm. 18.

Pada tahun 1936, satu bangunan baru telah siap dibina di Sekolah Pertanian Tanah Melayu yang terletak di Serdang, Selangor. Meskipun sekolah tersebut masih belum dikenali sepenuhnya oleh penduduk Tanah Melayu, namun saban tahun kewujudan sekolah tersebut semakin dikenali ramai.¹⁸ Selepas Perang Dunia Kedua, sekolah tersebut bukan sahaja dilengkapi dengan bangunan utama yang menempatkan bilik kuliah, makmal, pejabat, perpustakaan, muzium botani dan padang permainan, tetapi turut dilengkapi dengan beberapa kemudahan lain seperti asrama pelajar yang dilengkapi bilik dorm, ruang makan, dan beberapa kemudahan penting lain yang boleh menampung sehingga maksimum 80 pelajar. Dalam aspek pembelajaran, tanah seluas 40 ekar turut disediakan bagi aktiviti perkebunan seperti penanaman pokok orkid, tanaman hiasan dan sayur-sayuran, serta 13 ekar tanah bagi penanaman getah. Sekolah tersebut juga terletak bersebelahan Stesen Eksperimen Pusat di bawah pentadbiran Jabatan Pertanian.¹⁹

-
- 16 Lihat “More Technical Education”, *The Straits Times*, 20 Mei 1931, hlm. 11. Lihat juga “A Milestone in Education”, *The Straits Times*, 18 Mac 1930, hlm. 13.
- 17 Lihat “Malayan Planting Topics”, *The Straits Times*, 8 Julai 1932, hlm. 19.
- 18 Lihat “Slowly Making Itself Known”, *The Straits Times*, 17 April 1936, hlm. 19. Bangunan sekolah tersebut terletak berhampiran Stesen Eksperimen Jabatan Pertanian dan kawasan perlombongan lama yang menjadi kawasan setinggan Cina. Lihat “Malaya’s Home of Agricultural Tuition at Serdang”, *The Straits Times*, 19 November 1936, hlm. 20. Lihat juga *The Straits Times*, 30 November 1936, hlm. 1. Pada hari ini, bangunan tersebut masih boleh digunakan dan kini menempatkan Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia, Serdang, Selangor.
- 19 Lihat “800 Apply for 40 Place at Serdang School”, *Malaya Tribune*, 12 Mei 1947, hlm. 5.

Sekolah Pertanian Tanah Melayu, Serdang dikendalikan sepenuhnya oleh Jabatan Pertanian Negeri-Negeri Selat (NNS) dan Negeri-Negeri Melayu Bersekutu (NNMB). Ketua Inspektor Sekolah Inggeris pula menjadi anggota *ex-officio* dalam Lembaga Penasihat sekolah tersebut.²⁰ Pentadbiran sekolah pula dipimpin oleh seorang pegawai kanan Jabatan Pertanian dan dibantu oleh dua orang pegawai Eropah lain. Selain itu, terdapat juga seorang pegawai kanan Melayu dan dua orang pegawai Melayu yang lain.²¹ Gandingan pegawai Eropah dan Melayu membolehkan segera urusan melibatkan sesi pengajaran dan pembelajaran di sekolah tersebut berjalan lancar, sekaligus membolehkan pentadbiran sekolah tersebut menjadi lebih efektif dan efisien.

Gambar 4: Sekolah Pertanian Tanah Melayu, Serdang, Selangor Pada Tahun 1936



Sumber: *The Straits Times*, 19 November 1936, hlm. 20.

Pada peringkat awal, ramai pihak khususnya pegawai British melihat penubuhan sekolah tersebut sebagai sesuatu mencurigakan serta yang membazirkan duit kerajaan. Malah penubuhannya juga dilihat tidak lebih melainkan percubaan kerajaan untuk melihat sejauh manakah bidang pertanian mampu berkembang dan menjadi sebuah sektor yang memberikan keuntungan yang besar kepada kegiatan ekonomi Tanah Melayu. Namun percubaan tersebut ternyata membuahkan hasil kerana, “...*fortunately, it was spared and today it stands, not as a melancholy reminder of a harebrained experiment, but as an active, progressive institution which must be numbered with the best of Malaya's assets*”.²²

Secara umumnya, sistem pendidikan yang diamalkan di Sekolah Pertanian Tanah Melayu, Serdang menyediakan dua jenis kursus pertanian. Pertama, kursus major pertanian (diploma) melibatkan kursus teori dan praktikal khusus untuk melatih bakal pegawai Jabatan Pertanian dan jabatan kerajaan yang lain. Antara perkara yang dipelajari bukan hanya melibatkan mat pelajaran sains tulen sahaja, tetapi juga melibatkan kursus penuaian, penyediaan dan hasil pertanian yang sesuai ditanam di Tanah Melayu. Pelajar juga akan mempelajari subjek lanjutan yang biasa diajar di Sekolah Inggeris dan juga prinsip asas Sains.²³

20 Lihat “Unexpected Increase in Enrolment”, *Malaya Tribune*, 30 September 1935, hlm. 12.

21 Lihat “Malayan Planting Topics”, *The Straits Times*, 8 Julai 1932, hlm. 19.

22 Lihat “Malayan Matters”, *Malaya Tribune*, 29 April 1935, hlm. 10.

23 Lihat “A Milestone in Education”, *The Straits Times*, 18 Mac 1930, hlm. 13.

Kedua, kursus minor pertanian (sijil) selama setahun, melibatkan kursus praktikal khususnya yang berkaitan dengan tanaman pertanian utama yang diusahakan di Tanah Melayu.²⁴ Pelajar juga akan mempelajari tanaman-tanaman yang ditanam di negara tropika seperti Jawa, Sri Lanka dan Mauritius, serta kursus-kursus lain seperti alam semula jadi, haiwan, tanaman lading dan prinsip asas pertanian.²⁵

Bagi kursus major pertanian pada peringkat diploma, tempoh pembelajaran adalah selama tiga tahun, manakala bahasa Inggeris menjadi bahasa pengantar dalam pembelajaran tersebut. Selepas tahun 1933, tempoh perjalanan dipendekkan kepada dua tahun sahaja, sekali gus dapat mengurangkan yuran pengajian.²⁶ Kebiasaannya, pelajar yang lulus di peringkat diploma akan ditawarkan jawatan Pembantu Pertanian. Kursus minor pertanian pula dijalankan selama satu tahun dengan menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar, manakala Bahasa Inggeris digunakan jika perlu. Kursus ini diwujudkan bagi melatih staf bawahan dalam pentadbiran kerajaan. Pelajar yang lulus kursus minor akan ditawarkan jawatan *Junior Agriculture Assistant*. Kursus minor pertanian selama dua tahun pula dijalankan dalam bahasa Inggeris untuk melatih para pegawai *junior*. Secara umumnya, pelajar lulusan sekolah rendah Melayu akan menyertai kursus selama setahun, manakala pelajar lulusan *Cambridge School Certificate* pula mengikuti kursus selama dua tahun.²⁷

Yuran pengajian yang dikenakan di bagi kursus major pertanian pada peringkat diploma selama dua tahun ialah \$250 setahun, termasuk yuran pengajian, penginapan dan makanan. Yuran pengajian bagi kursus minor pertanian selama setahun pula ialah \$170 bagi keseluruhan pengajian melibatkan tiga penggal. Beberapa biasiswa juga ditawarkan oleh pihak kerajaan untuk menyambung pengajian di Sekolah Pertanian Tanah Melayu, Serdang. Kerajaan NNMB misalnya ada menawarkan biasiswa khusus untuk orang Melayu. Calon mestilah lulus cemerlang dalam peperiksaan peringkat menengah, selain lulus temuduga oleh Pengarah Jabatan Pertanian NNS dan NNMB. Walaupun tiada jaminan pekerjaan kepada para pelajar sebaik sahaja mereka menamatkan pengajian di sekolah tersebut, namun pemegang biasiswa selalunya berpeluang untuk bekerja di Jabatan Pertanian bergantung kepada kekosongan.²⁸

Pada tahun pertama penubuhan Sekolah Pertanian Tanah Melayu di Serdang, jumlah pelajar baru yang mendaftar di sekolah tersebut adalah seramai 37 orang pada tahun 1931. Namun begitu, masalah ekonomi yang bermula pada awal tahun 1930-an menyebabkan jumlah pelajar pada tahun 1932 menurun kepada 30 orang sahaja.²⁹ Penurunan jumlah pelajar juga disumbangkan oleh kebimbangan ibu bapa bahawa sekolah tersebut akan ditutup oleh kerajaan disebabkan masalah ekonomi. Namun begitu, jumlah pelajar sekolah tersebut meningkat semula pada tahun berikutnya kepada 53 orang pada tahun 1933. Pada tahun tersebut juga, terdapat enam orang pelajar India daripada etnik Jaffna yang berasal dari Sri Lanka telah

24 Annual Report on Education in the Strait Settlements for the Year 1927, dalam "Education", *Malayan Saturday Post*, 2 Jun 1928, hlm. 9. Lihat juga "Training the Malay in Agriculture", *The Singapore Free Press and Mercantile Advertiser*, 19 Mei 1931, hlm. 10.

25 Lihat "A Milestone in Education", *The Straits Times*, 18 Mac 1930, hlm. 13.

26 Lihat "Unexpected Increase in Enrolment", *Malaya Tribune*, 30 September 1935, hlm. 12.

27 Annual Report of the Education 1932. Lihat juga "Unexpected Increase in Enrolment", *Malaya Tribune*, 30 September 1935, hlm. 12.

28 Lihat "Notes on Current Events", *Malaya Tribune*, 1 November 1933, hlm. 10.

29 Terdapat juga sumber yang menyatakan bahawa jumlah pelajar sekolah tersebut pada tahun 1932 ialah seramai 28 orang sahaja. Lihat "Malayan Planting Topics", *The Straits Times*, 8 Julai 1932, hlm. 19.

menyambung pengajian di sekolah tersebut.³⁰ Jumlah pelajar sekolah tersebut kemudian meningkat kepada 71 orang pada tahun 1934, iaitu hampir memenuhi kapasiti maksimum pelajar di sekolah tersebut iaitu 82 orang.³¹ Pada tahun 1935, jumlah pelajar sekolah tersebut berjumlah 70 orang, dan meningkat kepada 76 orang pada tahun 1936.³² Pada tahun 1937, jumlah pelajar di sekolah tersebut berjumlah 46 orang.³³ Pada tahun 1940, jumlah pelajar sekolah tersebut meningkat kepada 65 orang.³⁴ Pada tahun 1941, seramai 71 orang belajar terdapat di sekolah tersebut.³⁵

Kedudukan Sekolah Pertanian Tanah Melayu, Serdang sebagai institusi pendidikan pertanian yang berprestij di Tanah Melayu menyaksikan minat bagi menyambung pelajaran di sekolah tersebut sama ada dari dalam dan luar negara semakin meningkat. Pada tahun 1939, Pengetua Sekolah Pertanian Tanah Melayu, Serdang iaitu G.E. Mann menjelaskan bahawa lebih ramai pelajar dari India Selatan akan datang ke sekolah tersebut bagi memenuhi permintaan terhadap jawatan pengurus estet.³⁶ Pada bulan Mac 1940, *Singapore Municipal Commissioner* iaitu sebuah badan yang menguruskan hal ehwal pembandaran dan kebersihan di Singapura juga bercadang untuk menghantar bakal pekerja mereka iaitu belia tempatan berkelulusan *Senor Cambridge* yang akan memegang jawatan sebagai *Horticultural Assistant* untuk belajar di sekolah tersebut setelah menjalani latihan di Botanic Garden, Singapura.³⁷ Pada bulan Disember 1940, *Singapore Municipality* bersetuju untuk menghantar salah seorang pelajar merangkap tukang kebun mereka iaitu N.V. Lange untuk belajar di Sekolah Pertanian Tanah Melayu di Serdang, Selangor.³⁸

Selain memberikan pendidikan pertanian kepada para pelajar, Sekolah Pertanian Tanah Melayu, Serdang turut menawarkan beberapa kursus khas pertanian ketika musim cuti sekolah untuk pihak luar meliputi kursus khas bagi jawatan *Junior Officer* di Jabatan Pertanian, kursus khas bagi jawatan *Asiatic Rubber Instructor* di *Rubber Research Institute* (RRI) atau Institut Penyelidikan Getah yang baru dilantik, dan kursus khas bagi penghulu kampung.³⁹ Pada tahun 1936, Penghulu Merlimau iaitu Che Muhammad Natar misalnya dihantar oleh kerajaan NNS bagi menjalani latihan berkaitan kursus pertanian di Sekolah Pertanian Tanah Melayu, Serdang. Setelah menamatkan kursus tersebut dengan jayanya, beliau menjalani latihan dalam bidang ekonomi pedalaman dan koperasi selama dua bulan di Jabatan Koperasi, Kuala Lumpur.⁴⁰

30 Lihat "Jaffnese Students Serdang", *The Straits Times*, 7 November 1933, hlm. 7. Menjelang tahun 1935, hanya lima pelajar berjaya menamatkan pengajian di sekolah tersebut. Lihat "Agricultural Scholarships", *The Straits Times*, 8 April 1935, hlm. 7.

31 Lihat "Serdang's Success", *The Straits Times*, 2 April 1935, hlm. 10.

32 Lihat "Serdang School in Its Fifth Year", *The Straits Times*, 17 April 1936, hlm. 19.

33 Kuota yang ditetapkan ialah 50% untuk pelajar Melayu, 40% untuk pelajar Cina dan bakinya untuk pelajar India. Lihat *The Straits Times*, 20 Mei 1935, hlm. 12.

34 Lihat "Higher Standard Needed at Serdang Agriculture School", *Malaya Tribune*, 30 Mei 1940, hlm. 2.

35 Lihat "Federal Secretary's Advice to Serdang College Students", *Malaya Tribune*, 12 April 1941, hlm. 3.

36 Lihat "Indian Students of Agriculture Too Few", *The Straits Times*, 26 Disember 1939, hlm. 11.

37 *Horticultural Assistant* bertanggungjawab bagi penanaman dan penjagaan pokok sama ada di jalan raya atau taman. Lihat "Horticultural Post for Local Boy", *The Straits Times*, 4 Mac 1940, hlm. 10.

38 Lihat "Student Gardener", *The Singapore Free Press and Mercantile Advertiser*, 28 Disember 1940, hlm. 7.

39 Lihat "Serdang School in Its Fifth Year", *The Straits Times*, 17 April 1936, hlm. 19.

40 Lihat "Penghulu's Course at Serdang", *The Straits Times*, 20 April 1935, hlm. 13.

Beberapa penambahbaikan juga telah dilakukan terhadap sistem pengajaran dan pembelajaran serta kurikulum yang dilaksanakan di Sekolah Pertanian Tanah Melayu, Serdang. Pada tahun 1935, beberapa keputusan telah dicapai seperti penghantaran beberapa pelajar terpilih dari sekolah tersebut untuk menyambung pengajian di *Imperial College of Tropical Agriculture* yang terletak di Trinidad bagi menjalani latihan berkenaan pertanian secara lebih intensif. Selain itu, terdapat juga cadangan agar bahasa Tamil turut diajar kepada pelajar sekolah tersebut khususnya pelajar Melayu pada waktu petang. Hal ini bagi membolehkan lulusan sekolah tersebut khususnya pelajar Melayu dapat menepis kritikan bahawa mereka tidak berkelayakan untuk bertugas di estet kerana tidak pandai berbahasa Tamil.⁴¹ Pada tahun 1937, tempoh pembelajaran bagi kursus major pertanian telah dikurangkan kepada dua tahun sahaja berbanding tiga tahun sebelum ini bagi menjimatkan kos pengajian yang terpaksa ditanggung oleh pihak pelajar dan kerajaan.⁴²

Pada tahun 1939, Frank Stockdale, Penasihat Pertanian kepada Setiausaha Pejabat Tanah Jajahan, United Kingdom yang telah mengadakan lawatan ke sekolah tersebut bagi membuat penambahbaikan dari segi pengajaran dan pembelajaran pertanian menjelaskan pengajaran bidang pertanian adalah baik di sekolah tersebut, tetapi masih terdapat kekurangan dari segi kandungan pengajaran beberapa kursus penanaman seperti kelapa, nanas dan padi. Selain itu, latihan praktikal bagi penanaman tanaman tersebut juga tidak diberikan.⁴³ Bagi mengatasi masalah tersebut, khususnya penanaman padi yang merupakan makanan ruji penduduk Tanah Melayu, beliau meminta agar kursus penanaman padi dibuat penambahbaikan, termasuk pengajaran kaedah penanaman padi yang betul secara praktikal.⁴⁴ Bermula pada tahun 1940, beberapa penambahbaikan terhadap kurikulum sekolah tersebut telah dilakukan, termasuklah pengurangan waktu pembelajaran kursus sains asas, sekali gus memberi peluang kepada penambahan waktu pembelajaran secara praktikal serta kerja-kerja penyelidikan. Bagi kursus major pertanian selama dua tahun, fokus juga diberikan kepada pembelajaran kursus kimia, fizik, botani (kajian tentang tumbuhan), mikologi (kajian tentang ulat), zoologi (kajian tentang haiwan), serta teknik pertanian dan genetik.⁴⁵ Pada tahun 1941, dilaporkan bahawa Sekolah Pertanian Tanah Melayu, Serdang mempunyai dua kelemahan yang ketara. Pertama, pencapaian akademik beberapa orang pelajar yang semakin merosot, bahkan ramai pelajar tidak tidak mahu mengambil kesempatan untuk mempelajari subjek sains lanjutan yang ditawarkan di sekolah tersebut. Kedua, ketiadaan kemudahan bagi mempelajari kaedah penanaman padi secara praktikal. Ketika itu, pelajar terpaksa berada di Stesen Eksperimen Beras di Melaka selama sepenggal bagi mempelajari kaedah penanaman padi secara praktikal.⁴⁶

Sejak ditubuhkan, kakitangan Sekolah Pertanian Tanah Melayu di Serdang juga telah mengalami beberapa perubahan. Pada bulan Februari 1931, Vernon Dawson telah dilantik sebagai *Senior Lecturer* di Sekolah Pertanian Negeri-Negeri Selat (NNS) dan Sekolah Pertanian Negeri-Negeri Melayu Bersekutu (NNMB).⁴⁷ Pada bulan April 1931, Ketua

41 Lihat "Tamil Lessons for Malays", *The Straits Times*, 20 Mei 1935, hlm. 12.

42 Lihat "Higher Standard Needed at Serdang Agriculture School", *Malaya Tribune*, 30 Mei 1940, hlm. 2.

43 Lihat "Shortcomings of Serdang Agricultural Course", *The Singapore Free Press and Mercantile Advertiser*, 12 Jun 1939, hlm. 7.

44 Lihat "Malayan Agricultural Education Changes Urged", *The Straits Times*, 12 Jun 1939, hlm. 14.

45 Lihat "Higher Standard Needed at Serdang Agriculture School", *Malaya Tribune*, 30 Mei 1940, hlm. 2.

46 Lihat "Two Disabilities", *Malaya Tribune*, 16 April 1941, hlm. 6.

47 *Malaya Tribune*, 19 Februari 1931, hlm. 8.

Setiausaha NNMB telah dilantik sebagai salah seorang anggota Jawatankuasa Penasihat Sekolah Pertanian Tanah Melayu di Serdang, Selangor.⁴⁸ Pada bulan Jun 1934, J.A. Craig yang merupakan Pegawai Pertanian di Jabatan Pertanian di NNS dan NNMB telah dilantik sebagai Timbalan Pengetua Sekolah Pertanian Tanah Melayu, Serdang.⁴⁹ Pada tahun 1935, sekolah tersebut menerima seorang pensyarah baru iaitu Choo Kok Leong. Selain itu, dua orang pensyarah muda, salah satunya ialah Che Samsudin bakal bertugas tempat baru iaitu di Sekolah Perladangan di Melaka pada pertengahan tahun 1935.⁵⁰ Pada bulan Disember 1935, satu ketetapan telah diambil agar jawatan Timbalan Pengetua dimansuhkan dan Pengarah Jabatan Pertanian secara automatik akan memegang jawatan Pengetua Sekolah Pertanian Tanah Melayu di Serdang. Lanjutan daripada itu, G.E. Mann yang merupakan mantan Timbalan Pengetua Sekolah Pertanian telah dilantik menjadi Pengetua Sekolah Pertanian Tanah Melayu mulai 1 Januari 1936.⁵¹ Pada tahun 1939, Pengetua Sekolah Pertanian Tanah Melayu turut dilantik sebagai salah seorang anggota Jawatankuasa Penasihat Sultan Idris Training College, Tanjong Malim, Perak.⁵² Pada tahun 1941, Dr. Farquharson dilantik sebagai salah seorang anggota Jawatankuasa Penasihat Sekolah Pertanian Tanah Melayu menggantikan W.A. Stanton.⁵³

Kakitangan Sekolah Pertanian tanah Melayu juga telah mengalami perubahan selepas Perang Dunia Kedua. Pada bulan Disember 1945, Sekolah Pertanian Tanah Melayu, Serdang telah mengiklankan jawatan kosong melibatkan jawatan *Junior Lecturer* dalam bidang fizik, kimia dan biologi, serta jawatan *Malay Agricultural Instructor*. Semua calon yang diterima akan menjalani tempoh percubaan selama 12 bulan sebelum disahkan dalam jawatan.⁵⁴

Selepas Perang Dunia Kedua, kerajaan telah berusaha untuk mewujudkan cawangan Kolej Pertanian Tanah Melayu di seluruh negara. Pada bulan Oktober 1956, kerajaan bersetuju untuk membuka tiga buah sekolah pertanian pada tahun 1957 sebagai cawangan Kolej Pertanian Tanah Melayu, Serdang. Selain itu, maksimum 20 pelajar akan ditempatkan di sekolah-sekolah tersebut bagi mengikuti kursus minor pertanian selama setahun. Lanjutan daripada itu, Kolej Pertanian Tanah Melayu akan menghentikan penawaran kursus kepada *Junior Agricultural Assistant* sebaik sahaja sekolah tersebut siap dibina.⁵⁵ Salah sebuah sekolah pertanian tersebut telah dibuka di Kedah dan telah dirasmikan oleh Sultan Kedah.⁵⁶

Kerajaan British turut menawarkan biasiswa kepada pelajar-pelajar Tanah Melayu untuk menyambung pengajian di Sekolah Pertanian Tanah Melayu, Serdang. Pada tahun 1933, kerajaan NNMB menawarkan biasiswa major dan biasiswa minor kepada calon yang

48 Lihat "The Serdang School", *The Straits Times*, 28 April 1931, hlm. 12; *The Singapore Free Press and Mercantile Advertiser*, 6 Mei 1931, hlm. 5;

49 *The Straits Times*, 5 Jun 1934, hlm. 10.

50 Lihat "What the School of Agriculture", *The Singapore Free Press and Mercantile Advertiser*, 27 April 1935, hlm. 6. Selain itu, terdapat juga beberapa orang pensyarah lain yang turut berkhidmat dengan cemerlang pada tahun tersebut seperti Che Mohamed Noor, G.E. Mann dan J.A. Craig.

51 Lihat "Agricultural School", *The Straits Times*, 23 Disember 1935, hlm. 15.

52 Lihat "Sultan Idris College", *The Straits Times*, 23 Januari 1939, hlm. 13.

53 *The Straits Times*, 10 April 1941, hlm. 11.

54 Lihat "School of Agriculture, Malaya, Serdang", *The Straits Times*, 6 Disember 1945, hlm. 3.

55 Lihat "More Schools to Help the Food Production Drive", *The Straits Times*, 27 Oktober 1956, hlm. 5.

56 Lihat "Sultan Opens School of Agriculture", *Singapore Standard*, 12 Ogos 1957, hlm. 4.

layak khusus bagi orang Melayu. Keutamaan diberikan kepada calon yang merupakan anak seorang petani yang menetap di NNMB bagi memastikan mereka mendapat jaminan pekerjaan sebaik sahaja menamatkan pengajian.⁵⁷ Bagi biasiswa major selama dua tahun, calon mestilah lahir dan menetap di NNMB, selain berumur antara 16 hingga 21 tahun serta lulus sekurang-kurangnya *Junior Cambridge*, manakala keutamaan bagi pelajar yang merupakan lulusan *Senior Cambridge*. Biasiswa tersebut meliputi pembayaran yuran pengajian, penginapan, perjalanan pergi balik menggunakan keretapi (kelas kedua) dari Serdang ke stesen terdekat dengan rumah pelajar pada setiap awal dan akhir penggal serta elaun sebanyak \$5 sebulan bagi setiap penggal. Bagi biasiswa minor pula, calon mestilah lahir dan menetap di NNMB dan berumur antara 16 hingga 21 tahun. Calon juga mestilah lulus darjah tertinggi di sekolah Melayu dengan mendapat *1st Class Certificate* atau mendapat sekurang-kurangnya anggaran 70% markah agregat; atau lulus sekurang-kurangnya Darjah V di sekolah Inggeris. Biasiswa tersebut bukan sahaja meliputi yuran pengajian, penginapan dan perjalanan, tetapi juga elaun sebanyak \$2.50 sebulan. Semua calon yang berminat untuk memohon biasiswa tersebut perlu lulus peperiksaan khas serta lulus temuduga yang dijalankan oleh Pengarah Pertanian.⁵⁸

Pada tahun 1936, kerajaan NNS menawarkan tiga biasiswa major dan tiga biasiswa minor untuk menyambung pengajian di Sekolah Pertanian Tanah Melayu, Serdang.⁵⁹ Pada tahun 1937, masing-masing sebanyak tiga biasiswa major dan tiga biasiswa minor dalam bidang pertanian telah ditawarkan oleh kerajaan NNS kepada calon yang layak untuk menyambung pengajian di Sekolah Pertanian, Serdang.⁶⁰ Kerajaan NNMB pula telah menawarkan masing-masing enam biasiswa major dan enam biasiswa minor untuk menyambung pengajian di sekolah tersebut pada tahun 1937.⁶¹ Pada tahun 1937, seorang pelajar Victoria Institution juga berjaya mendapat Biasiswa Edwin Philips.⁶² Pada tahun 1938, kerajaan NNS menawarkan Biasiswa Pertanian kepada calon yang layak untuk menyambung pengajian di Sekolah Pertanian, Serdang, iaitu tiga biasiswa major dan tiga biasiswa minor.⁶³ Selain itu, empat biasiswa terbuka turut ditawarkan oleh kerajaan NNBM khusus kepada pelajar bukan Melayu yang layak bagi tahun 1938 untuk belajar di sekolah tersebut.⁶⁴

Bermula pada tahun 1940, kerajaan telah menukar beberapa syarat bagi permohonan biasiswa khusus bagi kursus minor pertanian khusus bagi pelajar Melayu, iaitu calon mestilah lulus sekurang-kurangnya *Senior Cambridge* atau setaraf menggantikan syarat sebelum ini iaitu *Junior Cambridge*, selain calon juga perlu fasih berbahasa Melayu.⁶⁵ Pada tahun 1940, kerajaan NNS meneruskan pemberian Biasiswa Pertanian untuk menyambung pengajian

57 Lihat "F.M.S. Scholarship for Malays", *The Straits Times*, 11 April 1933, hlm. 12.

58 Lihat "F.M.S. Scholarships", *The Singapore Free Press and Mercantile Advertiser*, 12 April 1933, hlm. 7.

59 Lihat "Serdang School", *Malaya Tribune*, 4 Januari 1936, hlm. 20.

60 Lihat "Agricultural Scholarships Offered", *Morning Tribune*, 23 Januari 1937, hlm. 23; "Agricultural Scholarships", *Malaya Tribune*, 23 Januari 1937, hlm. 12.

61 Lihat "F.M.S. Scholarships", *The Straits Times*, 17 April 1933, hlm. 12.

62 Lihat "Prize-giving Day at Victoria Institution", *The Straits Times*, 23 April 1937, hlm. 17.

63 Lihat "Agricultural Scholarships", *The Singapore Free Press and Mercantile Advertiser*, 5 Februari 1938, hlm. 7.

64 Lihat "Agricultural Scholarships for Non-Malays", *The Straits Times*, 18 September 1937, hlm. 12; "4 F.M.S. Scholarships for Non-Malay Boys", *The Singapore Free Press and Mercantile Advertiser*, 18 September 1937, hlm. 9.

65 Lihat "Higher Standard Needed at Serdang Agriculture School", *Malaya Tribune*, 30 Mei 1940, hlm. 2.

di Sekolah Pertanian, Serdang, iaitu masing-masing tiga biasiswa major dan tiga biasiswa minor.⁶⁶ Pada tahun 1941, tiga biasiswa major dan tiga biasiswa minor terus ditawarkan oleh kerajaan NNS kepada para pelajar di Tanah Melayu untuk menyambung pengajian di Sekolah Pertanian, Serdang.⁶⁷ Pada tahun 1941, kerajaan NNMB pula menawarkan lapan biasiswa major dan enam biasiswa minor untuk menyambung pengajian di sekolah tersebut.⁶⁸

Selain itu, terdapat juga Biasiswa Edwin Philips yang ditawarkan oleh yayasan mendiang Edwin Philips untuk menyambung pengajian di Sekolah Pertanian Tanah Melayu, Serdang. Pada tahun 1931, biasiswa tersebut ditawarkan setiap tahun kepada pelajar lelaki atau perempuan berumur 16 tahun ke atas yang belajar di Tanah Melayu dan memperoleh keputusan cemerlang dalam peperiksaan awam. Biasiswa tersebut akan menawarkan pembayaran yuran pengajian, buku dan peralatan pembelajaran kepada penerima yang belajar kurus minor di sekolah tersebut selama setahun. Semua permohonan bertulis juga perlu dikemukakan kepada Pengarah Jabatan Pertanian NNS dan NNMB, Kuala Lumpur.⁶⁹

Secara umumnya, Sekolah Pertanian Tanah Melayu di Serdang memainkan peranan penting bagi menyediakan tenaga kerja terlatih dalam bidang pertanian di Tanah Melayu, sekali gus dapat memajukan bidang pertanian di Tanah Melayu. Sekolah Pertanian Tanah Melayu, Serdang juga sering menjadi tumpuan orang ramai untuk melihat sendiri kegiatan pembelajaran dan pembangunan sektor pertanian di sekolah tersebut, sama ada dari dalam atau luar negara. Pada bulan Januari 1937, bekas pengetua Sekolah Pertanian di Coimbatore, Tamil Nadu, India iaitu Rao Bahadur M.R. Ramaswami telah mengadakan lawatan ke sekolah tersebut bagi melihat kegiatan pembelajaran dan pencapaian sekolah tersebut khususnya dalam memajukan bidang pertanian di Tanah Melayu.⁷⁰ Pada bulan Ogos 1937, 24 orang anggota pasukan pengakap Batu Pahat Government English School, Johor telah mengadakan lawatan ke sekolah tersebut. Kehadiran mereka telah disambut oleh Pengetua Sekolah Pertanian Tanah Melayu, Vernon Dawson turut menjelaskan sejarah penubuhan dan pencapaian sekolah tersebut.⁷¹ Pada tahun yang sama juga, tiga kumpulan guru dari Melaka juga telah mengadakan lawatan ke Sekolah Pertanian Tanah Melayu, Serdang sejak bulan Januari hingga November 1937.⁷² Pada bulan Ogos 1940, buat pertama kalinya sekolah tersebut telah menganjurkan kursus berkaitan penternakan ayam dan perkebunan. Kursus jangka pendek selama 12 hari itu telah dihadiri oleh sembilan orang guru dari Sekolah Inggeris di seluruh negara.⁷³ Pada tahun 1941 juga, ramai guru yang mengajar di Sekolah Melayu serta berkelayakan, terlatih dan berpengalaman khususnya dalam bidang perkebunan telah dihantar oleh Jabatan Pendidikan untuk menjalani kursus selama setahun di Sekolah Pertanian Tanah Melayu, Serdang.⁷⁴

66 *Sunday Tribune* (Singapore), 18 Februari 1940, hlm. 14.

67 Lihat "Serdang Scholarships", *The Straits Times*, 10 Februari 1941, hlm. 10. Lihat juga *Malaya Tribune*, 10 Februari 1941, hlm. 15.

68 *Malaya Tribune*, 8 Januari 1941, hlm. 5.

69 Lihat "The Serdang School", *The Straits Times*, 18 Februari 1931, hlm. 14.

70 Lihat "Agricultural Training in Malaya", *Malaya Tribune*, 21 Januari 1937, hlm. 12.

71 Lihat "Educational Tour of Malaya by Johore Boys", *The Singapore Free Press and Mercantile Advertiser*, 19 Ogos 1937, hlm. 6.

72 Lihat "Technical Training", *Malaya Tribune*, 10 September 1937, hlm. 4.

73 Lihat "Malaya's Food Production Shows All-Round Increase", *Malaya Tribune*, 1 September 1941, hlm. 5.

74 Lihat "Education and Employment in Malaya", *Malaya Tribune*, 20 September 1941, hlm. 6.

Selain itu, lulusan Sekolah Pertanian Tanah Melayu, Serdang juga memainkan peranan penting terhadap pembangunan sosioekonomi di Tanah Melayu. Pelajar sekolah tersebut yang merupakan pemegang biasiswa major daripada kerajaan NNS atau NNMB berpeluang untuk berkhidmat dengan kerajaan jika lulus cemerlang dalam peperiksaan. Mereka akan dilantik sebagai *Agricultural Asssistant* dengan gaji permulaan sebanyak \$70 dan akan meningkat kepada \$250 sebulan. Pemegang biasiswa minor yang lulus peperiksaan pula akan dilantik sebagai *Agricultural Subordinates* dengan anggaran gaji antara \$50 hingga \$100 sebulan.⁷⁵

Sebaik sahaja dirasmikan pada bulan Mei 1931, beberapa institusi juga telah menyatakan minat untuk memberikan penempatan praktikal dan peluang pekerjaan kepada pelajar sekolah tersebut. Pada akhir tahun 1931, sebuah firma perniagaan yang terkenal iaitu Socfin Co. Ltd. yang berminat untuk mengembangkan industri getah dan minyak sawit bersetuju untuk menawarkan penempatan praktikal bagi pelajar sekolah tersebut. Mereka juga yakin dengan kemampuan lulusan sekolah tersebut dalam industri penanaman yang memerlukan pekerja yang berkemahiran, bahkan bersedia untuk menawarkan peluang pekerjaan kepada pelajar tersebut setelah mereka menamatkan pengajian.⁷⁶ Mengulas isu itu, firma tersebut menjelaskan bahawa:

*We are in full agreement with you that eventual pupils of the Serdang School are to be encouraged by some prospect of future employment and, while we are realise the precious support resulting of the posts offered by Government, we are of the opinion that planting companies shouls encouraged pupils to join the School by giving them the assurance that they can eventually be employed by them.*⁷⁷

Menurut firma tersebut lagi:

*We are pleased to inform you that we are prepared to employ teo of the first lot of men who will be qualified by Serdang School after three years' course, and give them suitable jobs in our technical department and Eastates...we shall furthermore, each year, until 1940 at least, offer a post on our staff to one qualified pupil of Serdang School...we sincerely hope that our proposition will decide other companies to join us.*⁷⁸

Tahun 1934 merupakan tahun pertama yang menyaksikan kumpulan pelajar pertama yang mengambil kursus major atau diploma selama tiga tahun menamatkan pengajian. Majlis graduasi yang melibatkan pemberian diploma dan hadiah kepada pelajar terlibat telah diadakan pada 19 April 1934.⁷⁹ Pada tahun tersebut, seramai 24 orang pelajar berjaya menamatkan pengajian di sekolah tersebut. Daripada jumlah tersebut, sekurang-kurangnya seorang pelajar bertugas dengan sektor kerajaan, *Rubber Research Insitute*

75 Lihat "More Technical Education", *The Straits Times*, 20 Mei 1931, hlm. 11.

76 Lihat "Malayan School of Agriculture", *Malaya Tribune*, 26 Ogos 1931, hlm. 13.

77 Lihat "Firm's Offer to Land School", *Malaya Tribune*, 31 Ogos 1931, hlm. 4.


78 Ibid.

79 Lihat "Serdang School of Agriculture", *The Straits Times*, 24 April 1934, hlm. 13.

(RRI) atau Institut Penyelidikan Getah, dan juga syarikat swasta.⁸⁰ Hal ini menggambarkan kemahiran dan kebolehan yang ada pada lulusan sekolah tersebut sehingga menarik minat pelbagai institusi kerajaan dan swasta untuk mengambil kdidmat mereka.

Pada tahun 1935, seramai 47 orang pelajar berjaya menamatkan pengajian di Sekolah Pertanian Tanah Melayu, Serdang. Majlis graduasi yang melibatkan penyampaian hadiah, sijil dan diploma telah diadakan pada 18 April 1935 dan dihadiri oleh Pengarah Jabatan Pertanian NNS dan Penasihat Pertanian Negeri-Negeri Melayu, Dr. H.A. Tempany dan Jawatankuasa Penasihat Sekolah Pertanian Tanah Melayu, Serdang iaitu Leftenan Kolonel B.J. Eaton, Undang Rembau dan Messrs. Stanton and Swainee.⁸¹ Majoriti pelajar Melayu sudah mendapat tawaran pekerjaan. Daripada jumlah tersebut, sembilan pelajar Melayu sudah mendapat tawaran untuk berkhidmat dengan kerajaan Selangor, Johor dan Kelantan termasuklah Brunei. Selain itu, antara lapan hingga 11 pelajar Melayu pula bakal berkhidmat dengan Jabatan Pertanian NNMB, manakala 4 orang pelajar Melayu bakal memulakan tugas di *Rubber Research Insitute* (RRI) atau Institut Penyelidikan Getah. Enam orang pelajar Cina juga sudah mendapat peluang pekerjaan, iaitu tiga orang bakal berkhidmat dengan kerajaan Pulau Pinang, Johor dan Sarawak, manakala baki tiga pelajar lagi bakal berkhidmat dengan sektor swasta. Bagi pelajar India pula, seorang bakal berkhidmat dengan RRI, manakala dua orang lagi bakal bertugas di estet.⁸²

Gambar 5: Penerima Hadiah, Sijil dan Diploma dalam Majlis Graduasi Sekolah Pertanian Tanah Melayu, Serdang Pada Tahun 1935



Sumber: *The Singapore Free Press and Mercantile Advertiser*, 27 April 1935, hlm. 6.

Pada tahun 1935 juga, sembilan lulusan diploma Sekolah Pertanian Tanah Melayu, Serdang telah memulakan tugas dengan *Rubber Research Insitute* (RRI) atau Institut

80 1934 Report of the Agriculture Education Branch of the Department of Agriculture, dipetik daripada "Over Seventy Students at Serdang", *The Straits Times*, 3 Januari 1936, hlm. 10.


81 Lihat "Serdang School Proves Its Value", *The Straits Times*, 30 April 1935, hlm. 16.

82 Lihat "What the School of Agriculture", *The Singapore Free Press and Mercantile Advertiser*, 27 April 1935, hlm. 6.

Penyelidikan Getah. Daripada jumlah tersebut, lapan orang merupakan pelajar Melayu, manakala bakinya merupakan seorang pelajar India. Pada peringkat awal, mereka telah diberikan latihan selama dua bulan, khususnya berkaitan masalah penanaman getah serta kaedah terbaik bagi membantu pekebun kecil getah meningkatkan hasil penanaman mereka.⁸³ Kehadiran mereka bukan sahaja dapat memenuhi keperluan tenaga kerja RRI khususnya bagi meningkatkan pengeluaran hasil getah dan penanaman getah, tetapi juga dapat membantu pekebun kecil menyelesaikan pelbagai masalah berkaitan penanaman getah.

Pada tahun 1936, 47 pelajar Sekolah Pertanian Tanah Melayu, Serdang berjaya menamatkan pengajian dengan jayanya. Daripada jumlah tersebut, 14 orang akan kembali ke Negeri-Negeri Melayu Tidak Bersekutu (NNMTB) yang membiayai pengajian mereka, manakala empat atau lima pelajar Melayu pula akan bertugas dengan kerajaan NNS dan NNMB. Selain itu, masing-masing tiga pelajar Melayu dan Cina pula bakal bertugas di *Rubber Research Insitute* (RRI) atau Institut Penyelidikan Getah dengan memegang jawatan sebagai *Asiatic Rubber Instuctor*.⁸⁴ Dalam majlis graduasi pada tahun tersebut, Leftenan Colonel B.J. Eaton iaitu anggota Jawatankuasa Penasihat sekolah tersebut yang bakal bersara pada tahun berikutnya menjelaskan bahawa terdapat 14 bekas pelajar sekolah tersebut yang berkhidmat di RRI, dan beliau berharap 6 hingga 8 orang lulusan sekolah tersebut bakal berkhidmat di RRI pada tahun tersebut.⁸⁵

Gambar 6: Penerima Hadaiah, Sijil dan Diploma dalam Majlis Graduasi Sekolah Pertanian Tanah Melayu, Serdang Pada Tahun 1936



Sumber: *Morning Tribune*, 13 April 1936, hlm. 2.

Pada tahun 1937, H.J. Page yang merupakan Pengarah *Rubber Research Insitute* (RRI) atau Institut Penyelidikan Getah yang menghadiri majlis graduasi Sekolah Pertanian Tanah Melayu, Serdang menjelaskan bahawa lulusan sekolah tersebut memainkan peranan penting terhadap perkembangan dan sumbangan RRI. Hal ini kerana ramai lulusan sekolah tersebut telah bekerja di RRI sebagai *Asiatic Rubber Instructor* dan pembantu makmal,

83 Lihat "Advice to Small-Holders", *Malaya Tribune*, 27 Ogos 1935, hlm. 10.

84 Lihat "Serdang School in Its Fifth Year", *The Straits Times*, 17 April 1936, hlm. 19.

85 Lihat "Agriculture in Malaya", *Morning Tribune*, 13 April 1936, hlm. 2; "The Teaching of Agriculture in Malaya Great Future in Store", *Malaya Tribune*, 13 April 1936, hlm. 12.

malah lulusan sekolah tersebut turut membantu dalam memajukan perusahaan penanaman getah yang dijalankan secara kecil-kecilan. Menurut beliau lagi, *“my opinion is that the value of the school is great to the RRI, and I wish to offer my best wishes for the success of the school and to all you who are leaving”*.⁸⁶ Pada masa yang sama, Hugh Fraser iaitu Pemangku Setiausaha Kerajaan NNMB yang turut hadir dalam majlis tersebut menjelaskan bahawa:

*It might appear that jobs cannot be found for all students who pass out of this school; but to those who, perhaps, are not so fortunate and return to the kampung, I would emphasise the importance of improving kampung cultivation with our knowledge...you will be doing just as useful work for Malaya as the other students who are more fortunate than yourselves and have got jobs in Government service or on estates.*⁸⁷

Pada tahun 1937 juga, seramai 54 pelajar Sekolah Pertanian Tanah Melayu, Serdang telah berjaya menamatkan pengajian.⁸⁸ Daripada jumlah tersebut, 20 orang pelajar bakal berkhidmat dengan kerajaan, lapan orang bakal bekerja dengan RRI, manakala dua orang pelajar pula bakal mengusahakan kegiatan pertanian secara persendirian.⁸⁹ Sehingga tahun 1938, jumlah pelajar yang berjaya menamatkan pengajian di Sekolah Pertanian Tanah Melayu, Serdang berjumlah 223 pelajar. Daripada jumlah tersebut, 176 pelajar dilaporkan telah bekerja dengan jawatan bergaji.⁹⁰ Pada tahun 1939, H.R. Cheeseman telah menyampaikan ucapan sempena majlis graduasi pelajar sekolah tersebut yang berjaya memperoleh diploma dan sijil dalam bidang pertanian. Pada masa yang sama, beliau turut memberi sedikit nasihat khususnya kepada pelajar Melayu yang pulang ke kampung halaman masing-masing. Menurut beliau:

*You know far better than I do what are the weaknesses in kampung life and work. You can teach by doing; the kampung people will believe the evidence of their own eyes....the Education Department and the Agricultural Department are working for the Malays with one view – the happiness and prosperity of the race....the Malay student, from this school may be likened to seed the seed of the School of Agriculture....I hope that the seed scattered in the kampung this year will fall on rich ground and that from it will grow a tree, large and shady and with many branches, the tree of kampung prosperity.*⁹¹

87 Lihat “Value of School of Agriculture”, *The Singapore Free Press and Mercantile Advertiser*, 19 April 1937, hlm. 6.

88 Ibid.

89 Lihat “School of Agriculture Becomes Popular”, *The Straits Times*, 10 April 1939, hlm. 14.

90 Lihat “Teaching Farming in Kampongs”, *The Straits Times*, 9 April 1939, hlm. 2.

91 Lihat “Serdang Students Go Largely to F.M.S. Services”, *The Singapore Free Press and Mercantile Advertiser*, 28 Mei 1938, hlm. 3.

Gambar 7: Penerima Sijil dan Diploma dalam Majlis Graduasi Sekolah Pertanian Tanah Melayu, Serdang Pada Tahun 1937

DIPLOMAS	CERTIFICATES
Diplomas (two-year course): Law Theng Siak, Tan Ah King, Cheng Heng Lay, Md. Rashid b. Ahmad, Md. Arit b. A. Rahman, A. Rahman b. P. Aris, Ho Hon Quee, Fong Fook Lam, Lee Yew Siong, Chee Tiet Yu, Mohamed b. Nasir, Md. Daud b. A. Jalil, H. R. de Zylva, Tan Teng Poey, Md. Yassin b. Bidin, Tan Huck Chuan, Md. Idris b. Shair, Md. Noor b. Ismail, Liew Peng Hon, Chan Wing Kee, Md. Noordin b. Ahmad and Boey Keok Chong.	Certificates (One-year course): Seis b. Md. Zain Othman b. Yunus, A. Man- not b. Hj. Akhir, Hussain b. Isa, Zainal b. Dagang, Md. Din b. Said, Othman b. M. Yassin, Mahtub b. A. Rahman, Harun b. Md. Noh, Muhamed b. Md. Tasir, A. Majid b. Tahir, Raja Oed. Rahman b. R. Yusuf, Yusof b. A. Ka- dir, Ahmad b. Yunus, Syed Mohd b. Hussin Md. Fiah b. M. Shah Jusoh b. Zin Baharun b. Hj. Ishah Waras b. Abdullah Hussin b. Taib Ishah b. Bulat Hassan b. Salleh A. Hamid b. Yusuf Ali b. M. Min Md. Ariffin b. M. Zain Jaifar b. Md. Walli Ab. Hamid b. Majid Ho Swee Cheng Ahmad Marsidi Idris b. Bador Othman b. A. Manap and Tengku Othman b. T. Mambang.

Sumber: *The Singapore Free Press and Mercantile Advertiser*, 23 April 1937, hlm. 2; *The Straits Times*, 22 April 1937, hlm. 17.

Sejak ditubuhkan pada tahun 1931 sehingga tahun 1938, seramai 247 pelajar berjaya menamatkan pengajian di Sekolah Pertanian Tanah Melayu, Serdang. Daripada jumlah tersebut, 153 pelajar sudah mendapat pekerjaan, manakala lebih 20 sudah mendapat jaminan pekerjaan ketika masih belajar di sekolah tersebut. Majoriti mereka berkhidmat dengan Jabatan Pertanian serta *Rubber Research Institute* (RRI) atau Institut Penyelidikan Getah dengan memegang jawatan sebagai *Asiatic officer*.⁹² Pada tahun 1938 juga, kerajaan NNMB telah memperkenalkan satu skim khas kepada pelajar Melayu lulusan Sekolah Pertanian Tanah Melayu, Serdang iaitu sebagai *Malay Estate Conductor* iaitu satu jawatan tersebut tidak pernah wujud sebelum ini. Di bawah skim jawatan baru tersebut, pelajar akan belajar dua tahun di sekolah tersebut dan menjalani praktikal selama setahun. Pelajar juga perlu mempelajari bahasa Tamil asas di sekolah tersebut bagi membolehkan mereka berkomunikasi dengan pekerja estet yang kebanyakannya merupakan etnik India. Pelajar yang berjaya menamatkan pengajian akan diberikan elaun \$30 sebulan selama enam bulan dan bertugas di stesen eksperimen Sungai Buloh yang dimiliki oleh RRI, selain turut ditugaskan ke beberapa buah estet di seluruh negara.⁹³ Pada tahun 1939, 33 pelajar berjaya menamatkan pengajian di sekolah tersebut. Terdapat juga pertambahan dari segi permintaan untuk menyambung pengajian di sekolah tersebut setelah lapan tahun dibuka, khususnya bagi kursus diploma selama dua tahun.⁹⁴

Pada tahun 1940, seramai 63 pelajar berjaya menamatkan pengajian peringkat diploma dan sijil di Sekolah Pertanian Tanah Melayu, Serdang. Majlis graduasi pelajar tersebut telah disempurnakan oleh Hugh Fraser, Setiausaha Kerajaan NNMB yang berlangsung pada 12 April 1940.⁹⁵ Bercakap pada majlis tersebut, Pengetua Kolej Pertanian Tanah Melayu iaitu G.E. Mann menjelaskan bahawa anggaran 70 hingga 75 pelajar baru

92 Lihat "Malay Conductors for Rubber Estates", *The Straits Times*, 21 Ogos 1938, hlm. 2.

93 Lihat "School of Agriculture Becomes Popular", *The Straits Times*, 10 April 1939, hlm. 14.

94 Lihat "63 New Agriculturists Leave Serdang", *The Straits Times*, 13 April 1940, hlm. 10.

95 Lihat "Agriculture in Wartime", *The Singapore Free Press and Mercantile Advertiser*, 13 April 1940, hlm. 2.

bakal mendaftar di sekolah tersebut pada tahun 1940. Meskipun sekolah tersebut mampu menampung lebih ramai pelajar, namun kekurangan kemudahan menyebabkan pertambahan lebih ramai pelajar baru tidak dapat dilaksanakan.⁹⁶ Pada tahun 1941, seramai 47 pelajar berjaya menamatkan pengajian di sekolah tersebut, iaitu 23 pelajar lulus kursus major pertanian selama dua tahun, manakala 24 pelajar lulus minor pertanian selama setahun.⁹⁷ Majlis graduasi yang melibatkan penyampaian hadiah, sijil dan diploma telah disampaikan oleh Hugh Fraser, Setiausaha Kerajaan NNMB. Bagi mengatasi masalah kekurangan makanan, kerajaan telah menyimpan stok makanan yang mencukupi untuk beberapa bulan. Bagi menyelesaikan masalah tersebut, Fraser juga menyeru orang Melayu khususnya perlu mengusahakan beberapa tanaman lain seperti jagung dan ubi kayu bagi menggantikan nasi sebagai makanan ruji.⁹⁸ Pengetua Sekolah Pertanian Tanah Melayu, Serdang iaitu G.E. Mann pula menjelaskan bahawa sejak ditubuhkan pada tahun 1931 sehingga tahun 1941 iaitu bagi jangka masa 10 tahun, seramai 155 pelajar telah mendaftar bagi kursus major. Daripada jumlah tersebut, 123 pelajar berjaya mendapatkan pekerjaan. Bagi kursus minor pula, 166 pelajar telah mendaftar kursus tersebut. Daripada jumlah tersebut, 117 pelajar berjaya mendapatkan pekerjaan.⁹⁹

Selepas Perang Dunia Kedua, Sekolah Pertanian Tanah Melayu di Serdang terus melahirkan lebih ramai lulusan dalam bidang pertanian. Pada tahun 1946, 31 pelajar merupakan graduan pertama sekolah tersebut yang berjaya menamatkan pengajian selepas Perang Dunia Kedua. Majlis graduasi tersebut telah dirasmikan oleh Pengarah Jabatan Pertanian Malayan Union, F. Burnett, manakala penyampaian sijil dan diploma telah disempurnakan oleh isteri Ketua Setiausaha Malayan Union, A.T. Newbould.¹⁰⁰

Ketika tercetusnya Perang Dunia Kedua, Sekolah Pertanian Tanah Melayu, Serdang telah diambil alih oleh tentera Jepun. Pada tahun 1944, pengurusan sekolah tersebut bersetuju untuk mengambil 30 orang pelajar baru untuk menyambung pengajian di sekolah tersebut.¹⁰¹ Antara syarat yang ditetapkan untuk kemasukan ke sekolah tersebut ialah mempunyai sekurang-kurangnya pendidikan menengah rendah selain menguasai bahasa Jepun. Namun begitu, tiada yuran dikenakan bagi pelajar yang diterima masuk ke sekolah tersebut. Pada ketika itu, ramai lulusan sekolah tersebut dilaporkan berkhidmat di kawasan pertanian yang terletak di Bahau, Negeri Sembilan bagi memajukan kegiatan pertanian di sana. Pada masa yang sama, lulusan sekolah tersebut juga dilaporkan bertugas di kawasan pertanian yang terletak di Endau, Johor.¹⁰²

Selepas Perang Dunia Kedua berakhir, Sekolah Pertanian Tanah Melayu, Serdang telah dibuka semula pada bulan Mei 1946. Pada tahun tersebut, sebanyak 36 pelajar mendaftar di sekolah tersebut meliputi pelajar Melayu, Cina dan India. Ketika berucap

96 Lihat "Federal Secretary's Advice to Serdang College Students", *Malaya Tribune*, 12 April 1941, hlm. 3.

97 Lihat "Malaya Must Be Ready for Possible Blockade", *The Singapore Free Press and Mercantile Advertiser*, 11 April 1941, hlm. 7.

98 Lihat "Malaya Must Be Ready for Possible Blockade", *The Singapore Free Press and Mercantile Advertiser*, 11 April 1941, hlm. 7.

99 Lihat "Federal Secretary's Advice to Serdang College Students", *Malaya Tribune*, 12 April 1941, hlm. 3.

100 Lihat "Serdang Turns Out Graduates", *The Straits Times*, 31 Ogos 1946, hlm. 6.

101 Lihat "New Enrolments in School of Agriculture", *Syonan Shimbum*, 15 April 1944, hlm. 2.

102 Lihat "Chinese Provide \$2,000,000 for Collective Farms", *Syonan Shimbum*, 2 Disember 1943, hlm. 1.

sempena pembukaan semula sekolah tersebut, Sir Edward Gent iaitu Gabenor Malayan Union menjelaskan bahawa:

*Future wealth of any country lies in the land. In order to ensure that the land is properly used it is essential for any Government that complete training and research facilities are made available...especially in these times in Malaya, as well as the rest of the world, there is a particular need for qualified agriculturists. In these days of food shortage, the people in Malaya – in fact the world at large – should do almost possible to be selfsufficient in food.*¹⁰³

Ketua Setiausaha Malayan Union, A.T. Newbould yang turut hadir dalam majlis tersebut pula menjelaskan bahawa:

*We who had been in this country realise what agriculture, not only the Department of Agriculture, in the widest sense, owes to the people who have come from this school. You have, therefore, a great responsibility before you carry on the work which has been done by past students. You must not fail to realise that agriculture will always be the backbone of this country.*¹⁰⁴

Berdasarkan ucapan beliau, jelaslah bahawa kerajaan British selepas Perang Dunia Kedua terus beranggapan bahawa sektor pertanian tetap menjadi sektor utama yang menyumbang kepada pendapatan Tanah Melayu, malahan lulusan sekolah tersebut juga memainkan peranan yang penting bagi menjayakan cita-cita dan hasrat tersebut.

Kolej Pertanian Tanah Melayu, 1947-1957

Bermula pada bulan Jun 1947, kerajaan British membuat keputusan bahawa Sekolah Pertanian Tanah Melayu, Serdang dinaik taraf dan dikenali sebagai Kolej Pertanian Tanah Melayu. Ketika berucap sempena pembukaan penggal baharu sekolah tersebut, Gabenor Malayan Union iaitu Sir Edward Gent menjelaskan bahawa Sekolah Pertanian Tanah Melayu kini dikenali Kolej Pertanian Tanah Melayu. Mengulas mengenai kedudukan kolej pertanian tersebut, beliau menjelaskan bahawa:

*Let us pledge ourselves to its growth as the academy for the hinger scientific training of students in agriculture who will serve and save this country's land that no man may damage it. Though he may use it well to produce the crops which the country and the world may need.*¹⁰⁵

Selain itu, Sir Edward Gent juga menjelaskan bahawa kolej tersebut merupakan satu-satunya institusi milik kerajaan British di kawasan Asia Tenggara yang memberikan pendidikan

103 Lihat "Gent Declares Open Agricultural School", *Morning Tribune*, 4 Mei 1946, hlm. 7.

104 Ibid.

105 Lihat "College at Serdang, Gent Hints", *The Straits Times*, 4 Jun 1947, hlm. 5.

tinggi dalam bidang pertanian, meliputi wilayah Borneo, Sarawak, Singapura serta seluruh negeri Melayu dan NNS di Tanah Melayu.¹⁰⁶

Bagi memastikan kualiti pengajaran dan pembelajaran di Sekolah Pertanian Tanah Melayu, Serdang dapat ditingkatkan, beberapa penambahbaikan turut dilakukan. Selepas Perang Dunia Kedua, tumpuan yang lebih turut diberikan kepada aktiviti pembelajaran berbentuk praktikal, seperti penneyamaan anak benih pokok buah-buahan sehingga bertunas, penjagaan pokok orkid dan sayur-sayuran serta penyediaan baja kompos pada tahun 1947.¹⁰⁷ Hasilnya, pelajar Kolej Pertanian Tanah Melayu, Serdang telah menunjukkan pencapaian yang memberangsangkan dalam peperiksaan. Pada tahun 1952, buat pertama kalinya sejak penubuhan sekoleh dan kolej tersebut, semua pelajar lulus dalam peperiksaan akhir yang diadakan pada tahun tersebut, iaitu mencatat kelulusan 100%.¹⁰⁸

Kakitangan Sekolah Pertanian tanah Melayu dan Kolej Pertanian Tanah Melayu juga telah mengalami perubahan selepas Perang Dunia Kedua. Pada tahun 1950, salah seorang tenaga pengajar Sekolah Pertanian Tanah Melayu di Serdang, iaitu John Chattaway telah ditukarkan sebagai Pegawai Pertanian Johor Tengah dan Johor Utara bertempat di Kluang, Johor.¹⁰⁹ Pada bulan April 1957, Pengetua Kolej Pertanian Tanah Melayu menjelaskan bahawa mereka masih memerlukan tenaga pengajar yang mahir dan pakar dalam bidang pertanian bagi memantapkan pengajaran dan pembelajaran bidang pertanian di kolej tersebut.¹¹⁰

Guru dan tenaga pengajar Sekolah Pertanian Tanah Melayu, Serdang juga aktif berkongsi ilmu dan kepakaran mereka khususnya berkenaan dengan kegiatan pertanian khususnya selepas Perang Dunia Kedua. Pada bulan Februari 1950, salah seorang tenaga pengajar Sekolah Pertanian Serdang iaitu Abdul Rashid bin Ahmad telah menyampaikan ceramah bertajuk, “Pendidikan Pertanian di Tanah Melayu” bertempat di bangunan Persatuan Dakwah Islam Seluruh Tanah Melayu di Geylang, Singapura.¹¹¹

Pelajar Kolej Pertanian Tanah Melayu, Serdang juga aktif melakukan lawatan sambil belajar khususnya bagi mengkaji dan meneliti kegiatan pertanian di seluruh Tanah Melayu. Pada tahun 1955, persatuan pelajar Kolej Pertanian Tanah Melayu telah melawat beberapa kawasan di selatan Tanah Melayu seperti Melaka, Johor dan Singapura.¹¹² Lawatan tersebut bagi melawat beberapa kawasan pertanian utama di negeri-negeri tersebut, selain turut melawat sekolah dan institusi yang ada kaitan dengan sektor pertanian.

Selepas Perang Dunia Kedua, Biasiswa Pertanian turut ditawarkan kepada pelajar yang layak untuk menyambung pengajian di Kolej Pertanian Tanah Melayu, Serdang. Tahun 1947 menyaksikan sebanyak 40 biasiswa ditawarkan oleh kerajaan Malayan Union bagi mengikuti kursus major pertanian selama dua tahun dan kursus minor pertanian selama

106 Ibid.

107 Lihat “Practical Land Work at Serdang”, *The Straits Times*, 28 April 1947, hlm. 5.

108 Lihat “Serdang’s Status”, *The Straits Times*, 26 April 1952, hlm. 9.

109 Lihat “Appointment”, *The Singapore Free Press*, 15 Mei 1950, hlm. 5.

110 Lihat “College Makes Plea for Experienced Men”, *Singapore Standard*, 17 April 1957, hlm. 5.

111 Lihat “Agriculture in Malaya”, *Malaya Tribune*, 9 Februari 1950, hlm. 3; “Today’s Lecture on Farming”, *The Singapore Free Press*, 11 Februari 1950, hlm. 5. Abdul Rashid bin Ahmad ketika itu sedang mengambil cuti penyelidikan di New Zealand. Lihat, “Education in Agriculture”, *The Straits Times*, 10 Februari 1950, hlm. 7.

112 Lihat “College Students go on Tour”, *The Straits Times*, 10 September 1955, hlm. 5.

setahun yang akan bermula pada 2 Jun 1947. Bagi tujuan tersebut, satu jawatankuasa pemilihan telah dibentuk di 11 buah negeri bagi memilih pelajar yang benar-benar layak. Selain itu, beberapa kerajaan negeri lain seperti Sarawak dan North Borneo (Sabah) turut menawarkan biasiswa kepada pelajar negeri masing-masing.¹¹³ Pada tahun 1948, sebanyak 20 biasiswa bagi kursus major dan 11 biasiswa bagi kursus minor ditawarkan oleh kerajaan. Calon yang berminat mestilah berumur antara 16 hingga 21 tahun serta memiliki sekurang-kurangnya Pangkat 1 atau Pangkat 2 dalam *Cambridge School Certificate*.¹¹⁴ Pada tahun 1949, Biasiswa Pertanian selama dua tahun telah ditawarkan kepada calon yang layak iaitu berumur antara 16 hingga 21 tahun serta mempunyai *Cambridge School Certificate* atau setaraf. Proses pengajian pula akan bermula pada bulan Jun 1949.¹¹⁵

Tahun 1951 juga menyaksikan Biasiswa Pertanian ditawarkan kepada calon yang layak iaitu berumur tidak kurang 16 tahun dan tidak melebihi 21 tahun, selain mempunyai *Cambridge School Certificate* atau setaraf.¹¹⁶ Pada tahun 1953, kerajaan Tanah Melayu telah menawarkan biasiswa untuk menyambung pengajian di Kolej Pertanian, Serdang selama tiga tahun yang bermula pada bulan Jun 1953. Calon mestilah berumur tidak kurang 16 tahun dan tidak melebihi 21 tahun, serta mempunyai sekurang-kurangnya *Cambridge School Certificate*.¹¹⁷ Pada tahun 1953 juga, *Rubber Research Institute* (RRI) atau Institut Penyelidikan Getah telah menawarkan biasiswa untuk menyambung pengajian di Sekolah Pertanian Tanah Melayu, Serdang selama tiga tahun.¹¹⁸ 15 biasiswa pertanian juga telah ditawarkan pada tahun 1954 kepada calon yang layak untuk menyambung pengajian di kolej tersebut, iaitu yang mendapat Pangkat 1 atau Pangkat 2 dalam *Cambridge School Certificate* serta berumur tidak melebihi 21 tahun. Semua permohonan mesti dikemukakan kepada Pendaftar sebelum 7 April 1954 manakala sesi pembelajaran bermula pada bulan Jun 1954.¹¹⁹

Selain itu, tahun 1952 juga menyaksikan tiga lulusan Kolej Pertanian Tanah Melayu, Serdang juga telah menyambung pengajian peringkat ijazah pertama atau *Bachelor of Arts* (B.A.) dalam bidang pertanian di beberapa universiti di United Kingdom.¹²⁰ Hal ini menggambarkan bahawa lulusan kolej tersebut adalah setanding dengan lulusan luar negara sehingga membolehkan mereka berpeluang untuk menyambung pengajian di luar negara.

Kolej Pertanian Tanah Melayu di Serdang juga menjadi tumpuan orang ramai untuk melihat dan meneliti kegiatan pembelajaran khususnya tentang kursus pertanian yang dijalankan di kolej tersebut. Pada tahun 1948, Sultan Pahang bersama-sama dengan Setiausaha Sulit dan pembantu baginda telah mengadakan lawatan ke kolej tersebut, iaitu pada 20 Mac 1948.¹²¹ Pada bulan Disember 1951, 45 ketua kampung dan lapan penghulu

113 Lihat "800 Apply for 40 Places at Serdang School", *Morning Tribune*, 13 Mei 1947, hlm. 7.

114 Lihat "Agricultural Scholarship", *Malaya Tribune*, 3 Februari 1949, hlm. 3.

115 Lihat "Agricultural Scholarship", *Malaya Tribune*, 29 Mac 1949, hlm. 2; "Agricultural Scholarship", *The Straits Times*, 29 Mac 1949, hlm. 7.

116 Lihat "Agricultural Scholarship", *Singapore Standard*, 20 Mac 1951, hlm. 3.

117 Lihat "College Offers Scholarship", *The Straits Times*, 18 April 1953, hlm. 7. Lihat juga "Agriculture College Award", *Singapore Standard*, 18 April 1953, hlm. 4.

118 Lihat "RRI offers Scholarship", *Singapore Standard*, 11 Mac 1953, hlm. 9.

119 Lihat "Agriculture Study Gifts", *The Straits Times*, 29 Januari 1954, hlm. 5.

120 Lihat "Serdang's Status", *The Straits Times*, 26 April 1952, hlm. 9.

121 Lihat "H.H. Visits School of Agriculture", *Morning Tribune*, 24 Mac 1948, hlm. 2; "H.H. Visits School of Agriculture", *Malaya Tribune*, 24 Mac 1948, hlm. 2.

telah terpilih untuk menjalani latihan pertanian selama 10 hari Sekolah Anderson di bawah pemantauan seorang pensyarah Kolej Pertanian Tanah Melayu, Serdang. Latihan tersebut telah dianjurkan oleh *Rural and Industrial Development Authority* (RIDA) dengan kerjasama kerajaan Perak melibatkan pendedahan berkaitan kawasan pedalaman seperti ekonomi, kesihatan, dan sivil, selain penanaman padi, getah, kelapa, buah-buahan dan sayur-sayuran.¹²²

Kolej Pertanian Tanah Melayu juga turut menjadi tuan rumah bagi kursus pertanian anjuran RIDA. Pada bulan September 1952, satu kursus pendek anjuran RIDA telah diadakan di Kolej Pertanian Tanah Melayu, Serdang khusus untuk golongan wanita yang berasal daripada kawasan pedalaman. Seramai 40 wanita telah menghadiri kursus selama empat hari tersebut.¹²³ Lanjutan daripada kejayaan latihan tersebut, RIDA bercadang untuk mewujudkan *Malay Folk High School* di Kuala Lumpur bagi melatih orang Melayu yang berasal dari kampung dan pedalaman dalam bidang pertanian, perakaunan, kebersihan, jahitan dan sains asas. Sekitar 50 hingga 100 orang akan mengikuti kursus tersebut selama beberapa bulan, manakala calon yang sesuai akan dilantik sebagai tenaga pengajar. Selain dilengkapi dengan bangunan asrama, sekolah tersebut juga akan dibekalkan dengan bas bagi memudahkan perjalanan dari asrama ke tempat pembelajaran di Sekolah Pertanian Tanah Melayu, Serdang dan Institut Penyelidikan Hutan, Kepong.¹²⁴ Pada tahun 1954, beberapa orang penghulu kampung di negeri Perak khususnya dari Slim River dan Tapah telah mengadakan lawatan ke negeri Selangor, termasuklah di Kolej Pertanian Tanah Melayu, Serdang untuk melihat proses pembelajaran yang dijalankan di kolej pertanian tersebut.¹²⁵

Lulusan Kolej Pertanian Tanah Melayu juga memainkan peranan penting terhadap perkembangan sosioekonomi Tanah Melayu. Sehingga tahun 1948, sekitar 400 pelajar berjaya menamatkan pengajian di sekolah tersebut seterusnya bertugas di negeri-negeri Melayu, selain Brunei, Sarawak dan North Borneo (Sabah). Majoriti lulusan sekolah tersebut juga berkhidmat dengan Jabatan Pertanian dan *Rubber Research Institute* (RRI), selain turut bertugas di estet-estet sebagai pengurus.¹²⁶

Beberapa penambahbaikan juga cuba dilakukan bagi membela kebajikan lulusan Sekolah Pertanian Tanah Melayu, khususnya yang memegang bagi jawatan *Agricultural Assistant* yang dilihat masih menerima gaji yang rendah dan tidak setimpal. Pada tahun 1941, Kapten Hashim telah mengemukakan cadangan kepada kerajaan untuk meningkatkan skim gaji guru sekolah dan penjawat awam lain, termasuklah jawatan *Agricultural Assistant* yang ketika itu masih menerima gaji hanya \$80 sebulan. Hal ini berbeza dengan beberapa jawatan lain seperti jawatan Inspektor Polis dan Pembantu Inspektor Sekolah Cina yang menerima gaji melebihi tiga angka, iaitu melebihi \$100.¹²⁷

122 Lihat "Leader Course for 45 Ketua", *The Straits Times*, 4 Disember 1951, hlm. 8. Kejayaan latihan pendek tersebut menyebabkan RIDA bercadang untuk menganjurkan latihan yang sama melibatkan peserta dari seluruh negara di Sekolah Pertanian Tanah Melayu, Serdang pada bulan April 1952. Lihat "R.I.D.A. Shows Kampong Men the Modern Way", *The Straits Times*, 22 Disember 1951, hlm. 12.

123 Lihat "A Better Life", *The Straits Times*, 5 September 1954, hlm. 12.

124 Lihat "School Will Turn Out 'Superb' Parents", *The Straits Times*, 17 September 1952, hlm. 4.

125 Lihat "2-Day Tour for Penghulus", *The Straits Times*, 17 Mac 1954, hlm. 7.

126 Lihat "800 Apply for 40 Places at Serdang School", *Morning Tribune*, 13 Mei 1947, hlm. 7.

127 Lihat "Subordinates' Pay", *The Straits Times*, 14 Jun 1941, hlm. 8.

Pada tahun 1948, kerajaan telah membuat ketetapan bahawa calon yang berminat untuk memohon jawatan *Agricultural Assistant* bukan lagi dalam kalangan lulusan *Junior Cambridge Certificate* atau *Cambridge School Certificate* atau setaraf, tetapi sebaliknya khusus kepada lulusan kursus major pertanian di Sekolah Pertanian Tanah Melayu, Serdang.¹²⁸ Keputusan tersebut bukan sahaja berjaya memberi peluang kepada lulusan sekolah tersebut untuk menjawat jawatan *Agricultural Assistant*, tetapi pada masa yang sama dapat meningkatkan kualiti dan tahap pertanian di Tanah Melayu kerana diurus dan ditadbir oleh pegawai kerajaan yang terlatih dalam bidang pertanian.

Pada masa yang sama, terdapat desakan dalam kalangan penduduk Tanah Melayu agar kerajaan memperkenalkan jurusan pertanian di peringkat universiti, kerana Kolej Pertanian Tanah Melayu ketika itu dilihat tidak mampu memenuhi tuntutan negeri-negeri Melayu terhadap keperluan tenaga kerja mahir dalam bidang pertanian. Pada tahun 1957, Kesatuan Mahasiswa Universiti Malaya telah mengemukakan tuntutan tersebut kepada Suruhanjaya Universiti Malaya, Singapura agar Universiti Malaya yang telah ditubuhkan pada tahun 1949 dapat memperkenalkan jurusan pertanian kepada para penuntutnya.¹²⁹ Pengenalan kursus tersebut dilihat amat penting memandangkan bidang pertanian merupakan salah satu sektor penting yang menyumbang kepada ekonomi Tanah Melayu ketika itu, khususnya dalam keadaan Kolej Pertanian Tanah Melayu sendiri tidak mampu membekalkan tenaga kerja mahir yang diperlukan dalam sektor tersebut.

Kesimpulan

Berdasarkan perbincangan di atas, jelaslah bahawa Sekolah Pertanian Tanah Melayu (1931-1947) diikuti Kolej Pertanian Tanah Melayu (1947-1957) di Serdang, Selangor memainkan peranan penting terhadap perkembangan bidang pertanian di Tanah Melayu. Secara umumnya, sekolah dan kolej tersebut membekalkan tenaga kerja tempatan yang terlatih dalam bidang pertanian untuk berkhidmat dan bertugas di Jabatan Pertanian, Institut Penyelidikan Getah, serta estet-estet getah di seluruh negara. Kewujudan sekolah dan kolej tersebut juga dapat menjadi medium bagi memajukan bidang pertanian di Tanah Melayu khususnya dari segi teknologi pertanian seperti memperkenalkan benih tanaman yang lebih baik atau kaedah kawalan serangga yang lebih baik. Hal ini kerana tenaga pengajar di sekolah dan kolej tersebut merupakan mereka yang terlatih dalam bidang pertanian dan banyak melakukan kajian dan penyelidikan berkaitan pertanian, sekali gus dapat membantu dalam memajukan lagi bidang pertanian di Tanah Melayu. Malah kolej tersebut juga sering menjadi tumpuan orang ramai untuk melihat dan meneliti kegiatan pembelajaran khususnya tentang kursus pertanian. Pada masa yang sama, RIDA juga sering menganjurkan kursus pertanian di kolej tersebut yang mempunyai kemudahan berkaitan pembelajaran pertanian yang agak lengkap.

128 Lihat "The Agricultural Assistants State Their Case", *The Straits Times*, 4 Mei 1949, hlm. 6.

129 Lihat "Sa-buah University Kata Penuntut2", *Berita Harian*, 25 September 1957, hlm. 5.

Satu perkara yang jelas ialah British juga hanya bersungguh-sungguh untuk menubuhkan Sekolah Pertanian Tanah Melayu setelah melihat kepada potensi sektor pertanian dalam menjana keuntungan kepada British. Hal ini berkait langsung dengan perkembangan penanaman getah, tebu, gambir, lada hitam dan tanaman pertanian lain pada awal abad ke-20, sekali gus menyebabkan British memerlukan lebih ramai tenaga kerja tempatan yang terlatih dalam bidang pertanian tanpa perlu bergantung kepada tenaga kerja dari Eropah. Selain menjimatkan kos, pengambilan tenaga kerja tempatan yang terlatih dalam bidang pertanian juga dapat memastikan sektor pertanian dapat terus menjana keuntungan kepada British, di samping sektor perlombongan khususnya perlombongan bijih timah yang masih menjadi keutamaan. Malah selepas Perang Dunia Kedua, British masih mengakui kepentingan sektor pertanian sebagai antara sumber pendapatan utama kerajaan.

Selepas kemerdekaan Tanah Melayu, Kolej Pertanian Tanah Melayu terus berfungsi sebagai sebuah institusi yang berperanan bagi menyediakan tenaga kerja tempatan yang terlatih dalam bidang pertanian serta memajukan bidang pertanian di Tanah Melayu. Kolej tersebut kemudian dinaik taraf kepada Universiti Pertanian Malaysia sebelum ditukar nama kepada Universiti Putra Malaysia. Apa yang pasti, semua institusi pendidikan tersebut bermula dengan sebuah sekolah khas yang diwujudkan bakal melahirkan lulusan bidang pertanian iaitu Sekolah Pertanian Tanah Melayu.